


# Jeep® tonjolkan koleksi *Love the Earth*

FESYEN untuk wanita.

SALAH satu fesyen daripada Jeep untuk kanak-kanak lelaki.

FESYEN yang menyelesakan wanita.

KANAK-KANAK perempuan.

Baru-baru ini, **Jeep®** melancarkan koleksi Musim Luruh Sejuk yang bertemakan "Love the Earth".

Selaras moto jenama ini "Live Without Limits" koleksi terbaru ini direka khas untuk mereka yang aktif serta menggemari aksi mendebarkan dan warga kota yang menikmati gaya hidup urban di bandar.

Untuk menonjolkan penghargaannya terhadap alam semula jadi, **Jeep®** mengetengahkan warna asas seperti coklat, kelabu dan khaki serta warna oren, kuning, biru dan hijau yang amat sesuai untuk setiap masa.

**FESYEN UNTUK KANAK-KANAK**

Koleksi terbaru ini masih menumpukan perhatian pada fesyen lasak untuk kanak-kanak yang aktif.

Kemeja-T dan kemeja berpetak amat sesuai untuk dipasangkan dengan seluar kargo dan seluar jeans.

Koleksi untuk kanak-kanak perempuan juga terdiri dari pakaian denim yang cantik dan pakaian korduroi serta kemeja dengan reka bentuk cetakan flora.

**FESYEN UNTUK LELAKI**

Konsep rekaan koleksi terbaru ini lebih lasak bagi memenuhi cita rasa lelaki masa kini yang gemarkan aksi yang mendebarkan sambil bergaya.

Fabrik, potongan dan tema warna untuk seluar kargo dan jeans telah dipertingkatkan dalam koleksi ini.

Sementara itu, kemeja juga diperbaharui dengan reka bentuk cetakan yang baru dan warna alam semula jadi seperti khaki, kelabu dan coklat.

**Jeep®** juga mempertingkatkan keselesaan kemeja denim dan jaket melalui potongan yang lebih rapi.

Ia boleh didapati dalam warna coklat dan hijau khaki.

**FESYEN UNTUK PEREMPUAN**

Untuk musim ini, **Jeep®** memperkenalkan kemeja dengan reka bentuk cetakan flora, kemeja denim dan pakaian berwarna biru, hijau, merah, kelabu, coklat, dan *beige*.

Koleksi ini juga menampilkan pelbagai jenis seluar seperti jeans, pants dan jeggings dalam warna yang betemakan alam semula jadi seperti biru, coklat dan hitam yang sesuai untuk wanita yang aktif yang bakal melancong pada musim cuti.



FESYEN lelaki dewasa.





FESYEN untuk keluarga.



PEKASA
PERSATUAN KARYAWAN SASTERA SARAWAK

## SAJAK Ahmad Zaidi bin Nordin (Ahli Pekasa)

**MENIANG ARCA KEAZAMAN**
***Nukilan: Ahmad Zaidi bin Nordin***

Diukir lakaran azam
pada batu-batu putih
di gunung harapan.

Arca cita ditegakkan
berukir kalimah syukur
menghiasi tiang janji yang utuh.

Tersergam menara kerjaya
terbina dari susunan jerih perih
dinding cekal diwarnai warna iman.

Saban hari, tanpa memungkir janji
kaki-kaki jergik yang mugel
setia menapak
berkongsi buku menelaah ilmu
tidak mengungkit rasa jemu.

Seorang guru muda menadah syukur
mendidik tanpa berkira
meski khidmatnya terbatas segala
terasing di pinggir belantara
meniang arca keazaman
meneguhkan iltizam dan semangat
lantas merubah tradisi berzaman
marganya tidak mewarisi sejarah silam.

*SK Telok Melano, Lundu – 24.09.1990*

**DIALAH PEJUANG ITU**
**(DEDIKASI BUAT TOKOH GURU)**
***Nukilan: Ahmad Zaidi bin Nordin***

Dari kamar sepi
dia merenung bintang malap
sapa angin menggetarkan kenangan
pada detik semusim
yang berlalu semilir bayu.

Dari kamar sepi ini
dia setia menemani malam
mencoret catatan segala tanggungjawab
di atas kertas usianya
kemudian, diwarnai hari-hari berlalu itu
dengan cahaya keikhlasan dan pengorbanan.

Suatu ketika dahulu dalam usia perkasanya
- dia meranduk arus rakus jeram Pelagus
- dia meredah hutan dara Long Pasia
- dia menyusur pantai Telok Melano
- dia menggalas seribu harapan di pundaknya
- dia menyemai benih ilmu di mindanya
- dia menanam tanggungjawab di hati mulianya

maka, jadilah dia pendidik bersemangat tinggi
sang pejuang bersenjatakan jati diri
perintis jalan nan panjang dengan segala misi dan visi
seorang jurubina lanskap minda yang berdedikasi.

Tiga puluh tujuh tahun kini usia kerjayanya
Akhirnya senjata penanya telah kehabisan tinta
buku-buku catatan harian,
tidak lagi perlu ditulis seperti selalunya.

Pada pagi ini
tiada lagi ucapan "Selamat Pagi Cikgu"
tiada lagi suara bingit berebutan bola di padang
kerana hari ini;
dia hanya menerima ucapan "Tahniah Cikgu"
yang diungkap berulang kali meniti bibir para tamu
kerana memang dia harus tahu
ungkapan keramat itu
memang layak untukmu :
"Tokoh Guru"
dan, anugerah keramat itu
akan kekal hingga ke akhir usiamu.

*Sarikei – Hari Guru 2012*

**CATATAN PELAYARAN SEORANG GURU (iii)**
***(Senaskah Anotasi Memorabilia)***

***Nukilan: Ahmad Zaidi bin Nordin***

Menelaah senaskah anotasi memorabilia
catatan pelayaran seorang guru biasa
memoir darmawisatanya yang agung
meniangkan arca evolusi
berukir semangat dan pengorbanan
pada setiap persinggahan
di belantara entigis itu....

Bahteranya menyongsong arus cabar
merintis kemansangan
sekali mencalit tinta,
sehayat catatannya mendewasakan insan
benih ilmu yang dipunggah
dari perkah bahtera pengalamannya
tumbuh melata di segenap belantara
jua di hutan batu kota raya.

Tika tambatan tali bahteranya dileraikan.
mudiklah seorang guru menongkah arus usia
mengompas pelayarannya ke muara adan
bahteranya mendempang pelabuhan teduh.

Nun jauh di tanjung kelana,
ratap rindu anak pedalaman
masih mengalongi bingkai kenangan.

Pada catatan terakhir pelayarannya
Pesannya kepada pendidik muda yang lestari:
- Layarkan bahtera menyadau arus cabar
- Jelajahi belantara entigis berbekalkan jati diri
waima rakus badai membelah lautan
dan jeram bertingkah meraung buas;
kompaskan haluanmu dengan yakin dan tabah
demi sumpah seorang cikgu,
berbaktilah untuk dunia dan akhirat !

Asrama Desa Siswa, USM Sintok - 1997